# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## SABTU 7 JANUARI 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5.<br>6. | JAMIN BEKALAN MAKANAN CUKUP DI SEMUA NEGERI, EDISI 9 -ONLINE<br>INSENTIF KHAS KEPADA PESAWAH KURANG BEBAN RAKYAT, SH -ONLINE<br>AGROMAKANAN RUGI RM111.95 JUTA, NEGARA, KOSMO -7<br>RUGI RM111.95j ANGKARA BANJIR, SETEMPAT, HM -17<br>MAFS TELAH BERI RESPON SEGERA, UM -ONLINE<br>MAT SABU: MALAYSIA'S AGRICULTURAL, AGROFOOD SECTORS SUFFERED OVER RM111m IN LOSSES DUE TO, NEWS, TAMIL MALAR -5 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFS) |
| 7. | NGO USES DRONES TO DETECT THE FISH BOMBINGS, NATION, DAILY EKSPRESS (KK) -8 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 8.<br>9.<br><br>10.<br><br>11.<br>12. | KADA DAPAT JANA RM10 JUTA TINGKAT PRODUK PERTANIAN, NASIONAL, BH -9<br>AGRICULTURE MINISTRY ALLOCATES RM10mil TO KADA FOR THE BENEFIT OF FARMERS, NEWS, CHINA PRESS (EAST COAST) -C4<br>KADA RECEIVES RM10mil ALLOCATION TO BOOST PRODUCTION, NASIONAL, NANYANG SIANG PAU -A2<br>RM10 JUTA UNTUK KADA, NASIONAL, SH -8<br>RM10 JUTA BANTU PETANI, PENTERNAK KADA, TEMPATAN, UTUSAN SARAWAK -19 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA) |
| 13.<br>14.<br><br>15. | PPIM CADANG TUBUH LEMBAGA UNGGAS, NASIONAL, SH -14<br>BALANCE NEEDED IN PORK SUPPLY AND DEMAND, NATION, KWONG WAH YIT POH -A16<br>MINISTRY TO LEARN FROM TAIWAN IN ADDRESSING SOARING PORK PRICES, NATION, SIN CHEW DAILY -11 | LAIN-LAIN |

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 7/1/2023 | EDISI 9 | ONLINE | |

# Jamin bekalan makanan cukup di semua negeri

*Apapun warna bendera kita atau ideologi kita, usaha untuk mencukupkan bekalan makanan dan meningkatkan pengeluaran makanan adalah amanah dan kerja bersama.*



MENTERI Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu memberi jaminan usaha mencukupkan bekalan dan meningkatkan pengeluaran makanan diusahakannya untuk semua negeri, walaupun ditadbir pembangkang.

Beliau berkata, usaha tersebut adalah amanah dan kerja bersama.

Malah katanya, Kelantan yang ditadbir PAS, menjadi destinasi pertama lawatan kerja rasmi beliau kerana negeri itu sangat dekat di hatinya.

"Saya pernah menjadi Ahli Parlimen Nilam Puri dan Kubang Kerian. Hampir 10 tahun saya menetap dan berkhidmat di negeri ini.

"Walaupun sekarang kerajaan Kelantan diperintah oleh PAS tapi itu bukanlah penghalang untuk saya memberikan khidmat di negeri ini kerana semua orang memerlukan makanan.

"Apapun warna bendera kita atau ideologi kita, usaha untuk mencukupkan bekalan makanan dan meningkatkan pengeluaran makanan adalah amanah dan kerja kita bersama," katanya menerusi hantaran di Facebooknya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 7/1/2023 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

# Insentif khas kepada pesawah kurang beban rakyat



Penyaluran peruntukan khas daripada Bernas berjumlah RM60 juta dilaksanakan secara berperingkat. - Gambar hiasan (Gambar kecil: Rodziah)

SHAH ALAM - Ahli Parlimen Ampang, Rodziah Ismail menyifatkan insentif khas kepada pesawah dapat mengurangkan beban rakyat serta memberi kelegaan kepada golongan pesawah.

Menurutnya, dianggarkan seramai 240,000 pesawah di negara ini menerima manfaat sumbangan khas bantuan daripada Padiberas Nasional Berhad (Bernas) bernilai RM60 juta.

"Ia diumumkan oleh Kerajaan Perpaduan dan tentunya sumbangan ini memberi kelegaan kepada pesawah-pesawah.

"Justeru, dengan insentif khas kepada pesawah sumbangan Bernas dapat meringankan dan mengurangkan beban rakyat selain manfaat sedia ada yang disediakan oleh kerajaan dalam bentuk subsidi," katanya dalam satu kenyataan di laman Facebooknya.

Selasa lalu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) menjelaskan penyaluran peruntukan khas daripada Bernas berjumlah RM10 juta bagi tahun 2022 dilaksanakan secara berperingkat kepada tiga negeri di Pantai Timur terlebih dahulu iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang melibatkan seramai 20,598 pesawah.

Kementerian itu dalam satu kenyataan berkata, pesawah dari negeri lain akan menerima bantuan khas ini apabila baki berjumlah RM50 juta disalurkan bermula awal tahun 2023.

Rodziah yang juga Exco Perumahan, Kesejahteraan Bandar dan Pembangunan Usahawan Selangor itu menambah, kerajaan memahami kos sara hidup semakin meningkat hari ini, dan kerajaan prihatin untuk memberikan bantuan berkenaan.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Agromakanan rugi RMU1.95 juta | | |
| MediaTitle | Kosmo | | |
| Date | 07 Jan 2023 | Color | Full Color |
| Section | Negara | Circulation | 155,996 |
| Page No | 7 | Readership | 467,988 |
| Language | Malay | ArticleSize | 377 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 9,784 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 29,352 |


[redacted]

Disebabkan banjir ketika Monsur Timur Laut baru-baru ini

# Agromakanan rugi RM111.95 juta

**PETALING JAYA** – Sektor pertanian dan agromakanan mengalami kerugian RM111.95 juta akibat banjir ekoran Monsun Timur Laut (MTL) yang melanda di beberapa negeri baru-baru ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), Mohamad Sabu, berkata ia meliputi 24,700 hektar kawasan pertanian selain membabitkan 12,000 petani dan penternak serta pengusaha agromakanan seluruh negara.

Bagaimanapun beliau menjelaskan, bekalan makanan negara tidak terjejas kerana ditampung oleh pengeluaran makanan negeri yang tidak dilanda banjir di Pantai Barat.

"Susulan itu, MAFS menyediakan pelbagai bantuan bagi membantu mereka yang terjejas termasuk pemberian kit makanan sebanyak 6,700 kit sedia untuk dimasak, 3,000 kit sedia untuk dimakan dan 1,000 kit kebersihan dengan jumlah peruntukan RM1 juta.




**MOHAMAD (tengah) menyampaikan Penyerahan Kits Bantuan Bencana Banjir kepada warga MAFS Kelantan di Kota Bharu, semalam.**

"Bantuan lain yang disumbangkan adalah peralatan Industri Asas Tani, input dan peralatan bagi pertanian dan perikanan, jentera mekanisasi dan automasi berskala kecil," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Penyerahan Kits Bantuan Bencana Banjir kepada warga MAFS Kelantan di Kota Bharu, semalam.

Tambah Mohamad, sebanyak RM2.45 juta peruntukan disediakan melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).

"Ini secara tidak langsung dapat mengurangkan beban dihadapi komuniti agromakanan yang terkesan.

"Kementerian turut menyumbangkan bantuan makanan dan ubat-ubatan ternakan sebanyak RM1 juta melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar kepada penternak yang terkesan bencana," ujarnya.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | RUGI RM111.95J ANGKARA BANJIR | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 07 Jan 2023 | Color | Full Color |
| Section | Setempat | Circulation | 112,705 |
| Page No | 17 | Readership | 338,115 |
| Language | Malay | ArticleSize | 424 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 16,639 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 49,917 |



# RUGI RM111.95J ANGKARA BANJIR

## *12,000 petani, penternak, pengusaha agromakanan terjejas*

**Kota Bharu**

Sektor pertanian dan agromakanan mengalami kerosakan dan kerugian RM111.95 juta akibat bencana monsun timur laut (MTL) yang berlaku bulan lepas.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (Mafs) Mohamad Sabu berkata laporan Pusat Pengurusan Bencana Mafs merekodkan kerosakan dan kerugian itu meliputi sekitar 24,700 hektar kawasan pertanian.

Beliau berkata kerosakan dan kerugian itu melibatkan 12,000 orang petani, penternak serta pengusaha agromakanan di seluruh negara.

"Bagi meringankan beban ditanggung, program Mafs Prihatin menyediakan 6,700 kit sedia untuk dimasak, 3,000 kit sedia untuk dimakan dan 1,000 kit kebersihan kepada komuniti angromakanan yang terjejas.

"Sumbangan tersebut melibatkan peruntukan RM1 juta sebagai menyantuni komuniti agromakanan yang terjejas akibat bencana di seluruh negara," katanya selepas menyempurnakan Majlis Penyerahan Kit Bantuan Banjir kepada 350 warga Mafs Kelantan di sini.

Turut hadir Ketua Setiausaha Mafs Datuk Haslina Abdul Hamid.

Mohamad berkata bekalan makanan negara masih terjamin.

"Bekalan makanan terjamin dan mencukupi kerana banjir hanya di pantai timur...di pantai barat tidak terancam sangat," katanya.




MOHAMAD (kanan) menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir sempena Majlis Penyerahan Kit Bantuan Banjir di Dewan Seri Wangi, Ibu Pejabat Fama Kelantan, Kota Bharu.

**350**

Bilangan warga Mafs Kelantan yang menerima kit bantuan banjir.



PESAWAH menunjukkan pokok padi yang sedang berbuah musnah selepas ditenggelami banjir di Kampung Langgar, Pekan, bulan lalu.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 7/1/2023 | UTUSAN MALAYSIA | ONLINE | |

# MAFS telah beri respons segera



ZAMRI YAAKOB

PETALING JAYA: Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), Mohamad Sabu mengenai situasi semasa kewangan NAFAS susulan kenaikan harga bahan mentah baja, baru-baru ini di Putrajaya.

Pengerusi Jemaah Pengarah NAFAS, Datuk Zamri Yaakob mengucapkan terima kasih kepada MAFS kerana telah segera memberi respons positif dalam memastikan NAFAS dapat merealisasikan harapan Kerajaan bagi menjamin sekuriti makanan negara.

"Alhamdulillah saya bersama pengurusan NAFAS telah mengadakan perbincangan dengan Yang Berhormat Menteri baru-baru ini dan beliau telah memberi maklum balas positif serta mengambil beberapa keputusan segera bagi memastikan ianya diselesaikan secara berperingkat.

"NAFAS berharap para petani tidak bimbang kerana NAFAS memberi jaminan akan terus membekalkan baja kepada para petani mengikut jadual musim penanaman padi bagi tahun ini kerana kami faham mengenai keperluan para petani. NAFAS sudah 50 tahun berkecimpung dalam industri ini," katanya.

Untuk rekod, NAFAS telah mengedarkan bekalan baja subsidi di bawah Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), Baja NPK Tambahan di bawah Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) dan Skim Baja dan Racun Padi Bukit (SPRPB) sejak tahun 1979. Ini membuktikan NAFAS merupakan sebuah entiti Pertubuhan Peladang yang komited dalam memperjuangkan hak para petani kearah usaha meningkatkan taraf
hidup dan sosioekonomi ahli Peladang.

Baru-baru ini *Utusan Malaysia* dalam satu laporan akhbar menyiarkan artikel NAFAS 'tenat', harga baja padi naik 300 peratus ekoran kenaikan harga bahan mentah baja disebabkan pelbagai faktor di peringkat global antaranya kesan pasca Covid-19, peningkatan kos buruh dan sekatan eksport bahan mentah.

MAFS juga cakna berkenaan pelarasan harga baharu yang perlu dikaji semula dengan mengambil kira kos-kos pembelian bahan mentah, kos pengeluaran dan pembekalan untuk memastikan keperluan baja subsidi bagi petani dapat disediakan mengikut spesifikasi dan mematuhi jadual taburan supaya hasil tanaman padi tidak terjejas sekaligus menjamin keperluan beras negara.

Memetik kenyataan Yang Berhormat Menteri dalam sesi wawancara televisyen di RTM – Naratif Khas baru-baru ini membuktikan hubungan kerjasama erat antara Kerajaan dan NAFAS dalam industri baja ini adalah demi memastikan keperluan pesawah terus terjamin.

"InsyaAllah hal ini bukan kerana NAFAS (isu kenaikan harga bahan mentah), ia berpunca dari isu global – peperangan dan lain-lain faktor luar. Sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, saya akan melihat hal NAFAS ini," katanya dalam sesi temubual berkenaan. – UTUSAN

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Mat Sabu: Malaysia's agricultural, agrofood sectors suffered over RM111m in losses due to | | |
| MediaTitle | Tamil Malar | | |
| Date | 07 Jan 2023 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 22,000 |
| Page No | 5 | Readership | 180,000 |
| Language | Tamil | ArticleSize | 255 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,311 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,932 |



# வெள்ளத்தால் விவசாயம், வேளாண் உணவுத் துறைகள் ரிம.111.95 மில்லியன் இழப்பைச் சந்திக்கின்றன



கடந்த மாதம் ஏற்பட்ட வடகிழக்கு பருவமழை பேரழிவின் விளைவாக விவசாயம் மற்றும் வேளாண் உணவுத் துறை ரிம 111.95 மில்லியன் சேதங்களையும் நஷ்டத்தையும் சந்தித்துள்ளது.

24,700 ஹெக்டேர் விவசாய நிலங்கள் சேதம் மற்றும் இழப்புகளை அமைச்சகத்தின் பேரிடர் மேலாண்மை மைய அறிக்கையில் பதிவு செய்துள்ளதாக வேளாண்மை மற்றும் உணவு பாதுகாப்பு அமைச்சர் முகமது சாபு தெரிவித்தார்.

நாடு முழுவதும் 12,000 விவசாயிகள், வளர்ப்பாளர்கள் மற்றும் விவசாய உணவுத் தொழில் முனைவோர்கள் சேதங்கள் மற்றும் இழப்புகளைச் சந்தித்துள்ளதாக அவர் கூறினார்.

"அவர்களின் சுமையைக் குறைக்க, விவசாயம் மற்றும் உணவு பாதுகாப்பு அமைச்சகத்தின் பராமரிப்புத் திட்டம் பாதிக்கப்பட்ட விவசாய உணவு சமூகத்திற்கு 6,700 சமையல் கருவிகள், 3,000 சாப்பிடத் தயாரான கருவிகள் மற்றும் 1,000 சுகாதார கருவிகளை வழங்கியது".

"ரிம1 மில்லியன் ஒதுக்கீடு சம்பந்தப்பட்ட பங்களிப்பானது, நாடு முழுவதும் பருவமழை பேரழிவால் பாதிக்கப்பட்ட விவசாய உணவு சமூகத்திற்கு உதவுவதாகும்," என்று முகமட் மேலும் கூறினார்.

நேற்று கோத்தா பாருவில் 350 கிளந்தான் விவசாயம் மற்றும் உணவு பாதுகாப்பு அமைச்சகத்தின் ஊழியர்களுக்கு வெள்ள நிவாரணப் பெட்டியை வழங்கியபின்னர் அவர் கூறினார்.

விவசாயம் மற்றும் உணவு பாதுகாப்பு அமைச்சகத்தின் பொதுச்செயலாளர் ஹஸ்லினா அப்துல் ஹமீதும் உடனிருந்தார்.

சமீபத்தில் வடகிழக்கு பருவமழை பேரழிவு ஏற்பட்ட போதிலும், நாட்டின் உணவு விநியோகம் இன்னும் அப்படியே உள்ளது என்று முகமட் கூறினார்.

"உணவு விநியோகம் போதுமானது, ஏனெனில் வெள்ளம் பெரும்பாலும் கிழக்கு கடற்கரையில் ஏற்பட்டது, அதே நேரத்தில் மேற்கு கடற்கரை ஒப்பீட்டளவில் பாதிக்கப்படவில்லை," என்று அவர் கூறினார்.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | KADA dapat dana RM10 juta tingkat produk pertanian | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 07 Jan 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 82,252 |
| Page No | 9 | Readership | 246,756 |
| Language | Malay | ArticleSize | 288 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 9,573 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 28,719 |


291 penerbangan tambahan sempena Tahun Baharu Cina

# KADA dapat dana RM10 juta tingkat produk pertanian

**Kota Bharu:** Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) menerima dana RM10 juta untuk tempoh lima tahun bermula 2021 sehingga 2025, bagi meningkatkan pengeluaran produk pertanian dan memastikan kemakmuran petani.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu, berkata RM2 juta diagihkan bagi 2021, manakala 2022 pula RM1.5 juta diluluskan.

Katanya, biaya itu diberikan menerusi Program Bantuan Agromakanan yang juga satu projek pembangunan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

"Ini satu inisiatif kementerian untuk meningkatkan kemakmuran petani dan pengeluaran produk pertanian melalui program peningkatan pendapatan petani.

"Program ini membabitkan golongan sasar di bawah KADA iaitu Kota Bharu, Pasir Puteh, Bachok, Pasir Mas dan Tumpat. Mereka pengusaha tanaman padi serta aktiviti lain pertanian dan penternakan.

"Jumlah penerima yang mendapat manfaat daripada program ini sepanjang 2021 untuk lima jajahan ini ialah 936 orang dengan peruntukan RM1.5 juta," katanya semalam.

Terdahulu beliau hadir pada Majlis Penyerahan Bantuan Agromakanan KADA kepada 72 penerima di sini.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Haslina Abdul Hamid.

Mohamad berkata, penerima kategori ruminan iaitu ternakan lembu, kambing dan biri-biri paling tinggi iaitu sebanyak RM640,000, manakala tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan membabitkan RM450,000.

"Bagi ternakan unggas dan projek lain seperti kelulut serta arnab, masing-masing berjumlah RM150,000 dan RM200,000 serta ternakan air tawar RM60,000.

"Pelaksanaan program ini mampu mengurangkan kos operasi petani dan penternak yang masih berada dalam golongan berpendapatan rendah serta sederhana sehingga mampu melahirkan usahawan pertanian yang berjaya," katanya.

Beliau berkata, dengan bantuan itu, projek ekonomi membabitkan pengeluaran, pemprosesan, pengedaran dan pemasaran berkaitan pertanian serta penternakan bagi tujuan meningkatkan produktiviti tanaman dapat dilaksanakan.

Selain itu, beliau berkata, ia juga dapat mempertingkat ilmu pengetahuan, kemahiran dan daya saing melalui kursus serta latihan untuk pembangunan kecekapan modal insan yang secara tidak langsung dapat mengeluarkan petani daripada belenggu kemiskinan.



*Mohamad diiringi Haslina pada Majlis Penyerahan Bantuan Agromakanan KADA di Kota Bharu, semalam.* (Foto BERNAMA)

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Agriculture Ministry allocates RM10mil to KADA for the benefit of farmers | | |
| MediaTitle | China Press (East Coast) | | |
| Date | 07 Jan 2023 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 10,592 |
| Page No | C4 | Readership | 31,776 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 140 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,918 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 5,753 |



## 撥哥姆布農業發展局1000萬

# 農業部助提升農民收入

（哥打峇鲁6日讯）农业及食品安全部长莫哈末沙布指出，农业及食品安全部拨出1000万令吉予哥姆布农业发展局（KADA），提升农民的收入。

末沙布今日到访吉兰丹哥打峇鲁哥姆布农业发展局主办活动上，移交总价值36万令吉的农业援助金予72名农民时，如是指出。

他说，该部将在2021年至2025年间发放拨款，主要是促进农业发展，增加协助农民的创收和产量。

“2021年拨了200万令吉，2022年则拨出150万令吉。”

他指出，上述拨款可以利惠哥姆布农业发展局下，来自哥打峇鲁、巴西富地、巴西马和道北的稻农、养殖业者和其他农业的农民。

他提到，去年拨给哥姆布农业发展局的150万拨款，受惠者人数为936人，其中养殖业如牛、羊和绵羊得到拨款最高，达64万令吉；蔬菜和水果的拨款则是45万令吉；火鸡和兔子饲养业则分别得到15万和20万拨款。

他说，有关拨款可以减少农民的成本，也希望可以培养更多成功的农民。



■末沙布（左2）巡视哥姆布农业发展局，饲养牛只的情况。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | KADA receives RM10mil allocation to boost production | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 07 Jan 2023 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A2 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 172 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,164 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 6,491 |





莫哈末沙布（左）巡视即将移交受惠者的牛只。

## 农长：提升农作产量

# KADA获千万拨款增产

（哥打峇鲁6日讯）自2021年起，农业及粮食安全部在为期5年的农业食品援助计划下，已为格姆布农业发展局（KADA）提供1000万令吉拨款。

部长莫哈末沙布说，此项计划主要提升农民福祉及增加农业产品生产量。

"2021年共拨出200万令吉，去年则批准150万令吉拨款。"

他说，该计划涵盖农民，包括稻米及其他农作物，以及在格姆布农业发展局区域的哥打峇鲁、巴西富地、万捷、巴西马及道北的牲畜饲养者。

他是今日主持移交总值36万令吉的农业食品援助给72名受惠者时，这么说。

他说，格姆布农业发展局区域逾有936名受惠者在此计划下获益，并涉及拨款150万令吉。

他说，获最高援助金额的类别是牛、羊和绵羊的饲养者，金额达64万令吉，而蔬菜和水果类别援助金额则为45万令吉。

"家禽养殖和其他项目如无刺蜜蜂和兔子等，援助金分别为15万和20万令吉，而淡水养殖的援助金额逾6万令吉。"

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | RM10 juta untuk KADA | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 07 Jan 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 140,000 |
| Page No | 8 | Readership | 420,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 186 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,943 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 11,830 |



# RM10 juta untuk KADA

**KOTA BHARU** - Sebanyak RM10 juta diluluskan untuk Program Agromakanan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dalam tempoh lima tahun berakhir 2025.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu berkata, daripada jumlah berkenaan, sebanyak RM2 juta diperuntuk pada 2021 manakala RM1.5 juta diluluskan untuk tahun lalu.

Beliau memberitahu, seramai 936 penerima dari lima daerah iaitu Kota Bharu, Pasir Puteh, Bachok, Pasir Mas dan Tumpat mendapat manfaat bantuan itu pada tahun 2022.

"Bantuan yang diterima termasuk benih ikan keli, patin, tilapia selain infrastruktur pertanian untuk membantu tambahan pengeluaran makanan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyerahan Bantuan Agromakanan KADA di sini pada Jumaat.




**Mohamad (dua dari kanan) menyampaikan bantuan kepada peserta KADA sempena Majlis Penyerahan Bantuan Agromakanan KADA di Kota Bharu pada Jumaat.**

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Haslina Abdul Hamid.

Selain itu, Mohamad memberitahu, penerima kategori ruminan iaitu ternakan lembu, kambing dan biri-biri menerima sebanyak RM640,000 manakala bantuan daripada kategori tanaman sayur dan buah pula melibatkan RM450,000.

Tambah beliau, bagi ternakan unggas dan lain-lain projek ternakan seperti kelulut dan arnab pula masing-masing berjumlah RM150,000 dan RM200,000.

Mohamad turut menyampaikan bantuan Program Agomakanan itu kepada 72 penerima dalam daerah berkenaan dengan nilai keseluruhan sebanyak RM360,000.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | RMlOjuta bantu petani, penternak KADA | | |
| MediaTitle | Utusan Sarawak | | |
| Date | 07 Jan 2023 | Color | Full Color |
| Section | TEMPATAN | Circulation | 37,981 |
| Page No | 19 | Readership | 113,943 |
| Language | Malay | ArticleSize | 217 cm² |
| Journalist | Bemama | AdValue | RM 2,022 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 6,066 |



# RM10 juta bantu petani, penternak KADA

**KOTA BHARU:** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan memperuntukkan RM10 juta kepada Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) menerusi Program Bantuan Agromakanan dalam tempoh lima tahun bermula 2021 hingga 2025.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu berkata, projek itu menjadi inisiatif kementerian bertujuan meningkatkan kemakmuran petani dan menambah pengeluaran produk pertanian melalui program peningkatan pendapatan petani agroindustri selain padi.

"Sebanyak RM2 juta diagihkan bagi 2021, manakala RM1.5 juta peruntukan telah diluluskan bagi tahun lepas.

"Program ini melibatkan golongan sasar terdiri daripada pengusaha tanaman padi serta lain-lain aktiviti pertanian dan penternakan di bawah kawasan seliaan KADA, iaitu dari Kota Bharu, Pasir Puteh, Bachok, Pasir Mas dan Tumpat," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan Bantuan Agromakanan kepada 72 penerima KADA melibatkan nilai keseluruhan RM360,000 di sini, semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, jumlah penerima di dalam kawasan KADA yang mendapat manfaat daripada program ini sepanjang 2021 untuk lima jajahan berkaitan melibatkan seramai 936 penerima dengan peruntukan sebanyak RM1.5 juta nilai bantuan.

"Kategori penerima bantuan paling tinggi ialah ruminan, iaitu ternakan lembu, kambing dan biri-biri bernilai RM640,000, manakala bantuan daripada kategori tanaman sayur dan buah pula melibatkan RM450,000.

"Bagi ternakan unggas dan lain-lain projek seperti kelulut dan amab pula masing-masing berjumlah RM150,000 dan RM200,000, selain ternakan air tawar sebanyak RM60,000," katanya.

Mohamad berkata pelaksanaan program itu dilihat mampu mengurangkan kos operasi petani dan penternak yang masih berada dalam golongan berpendapatan rendah, juga mahu melahirkan usahawan pertanian berjaya selain padi. - Bemama




**MENTERI** Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu (kanan) menyampaikan Bantuan Agromakanan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Ternakan Biri-biri kepada Ruzaini Din (tengah) sempena Majlis Penyerahan Bantuan Agromakanan KADA di Pejabat KADA Jajahan Kota Bharu Utara, Nilam Puri semalam. Turut hadir, Pengurus Besar KADA, Mohd Faizul Mustafa (kiri). • Foto BERNAMA

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | PPIM cadang tubuh Lembaga Unggas | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 07 Jan 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 140,000 |
| Page No | 14 | Readership | 420,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 236 cm² |
| Journalist | NILAM NUR ATIKAH OSHMAN | AdValue | RM 5,003 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 15,009 |



# PPIM cadang tubuh Lembaga Unggas

## Tangani masalah bekalan telur yang dihadapi rakyat ketika ini

Oleh NILAM NUR ATIKAH OSHMAN
SHAH ALAM


Kerajaan perlu masa stabilkan bekalan telur

KOTA BHARU - Kerajaan memerlukan masa untuk menstabilkan bekalan telur di pasaran negara ini bagi memenuhi permintaan pengguna.

Perkara tersebut diakui sendiri Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu yang menjelaskan bahawa keperluan makanan memerlukan masa untuk dipulihkan.

"Dalam soal ini, kerajaan tidak boleh menentukan tempoh masa kerana ia melibatkan soal makanan. Kalau banjir kita boleh tahu jumlah kerosakan?

"Penyakit ...

MOHAMAD

Laporan *Sinar Harian* pada Jumaat.

Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) mencadangkan kerajaan menubuhkan Lembaga Unggas supaya dapat menangani segera masalah bekalan telur ketika ini.

Ketua Aktivis PPIM, Datuk Nadzim Johan berkata, perkara itu telah berlanjutan terlalu lama, maka tiada alasan lagi untuk kerajaan khususnya Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan memerlukan masa lagi.


NADZIM

"Isu bekalan telur ini dah berlarutan bertahun-tahun. Saya yakin menteri baharu, namun kakitangannya orang lama tahu punca masalah, jadi kita harap perkara ini dapat ditangani secepat mungkin.

"Yang patut dibuat segera adalah menubuhkan Lembaga Unggas kerana dilihat perkara ini dipandang enteng, memang perlukan masa namun perlu disegerakan," katanya selepas sidang akhbar pada Jumaat.

Pada Khamis, media melaporkan kerajaan memerlukan masa dalam usaha untuk menstabilkan bekalan telur di pasaran agar bahan mentah itu sentiasa mencukupi selain mampu menampung keperluan rakyat di negara ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu berkata, pihaknya sedang menjalankan pelbagai langkah untuk menangani krisis bekalan telur ketika ini termasuk dengan membawa masuk telur import.

| Headline | Balance needed in pork supply and demand | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 07 Jan 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 59,667 |
| Page No | A16 | Readership | 179,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 285 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,195 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,585 |






陈泓缣(左起)、陈国伟、陈荣洲及陈荣立(右1)欢送即将届满回台的洪慧珠(右2)。

## 副农长：解决价格上涨问题

# 猪肉供需须平衡

**（吉隆坡6日讯）农业及粮食安全部副部长陈泓缣表示，透过现代化农业发展，让猪肉供应与需求达成平衡，才是解决猪肉价格不断上涨的最佳方案。**

他说，虽然本身刚上任三个星期，但因为农历新年将至，猪肉价格成为大家关注的课题，而经过与猪农和猪肉商的斡旋及协商，他们已经达成共识，西马半岛在农历新年期间的生猪价格不会上涨，维持在19令吉80仙。

但他表示，人为的抑制价格并非长久之计，若要解决猪肉价格不断上涨的问题，则必须回到需求链，让供应与需求达至平衡。

### 可从现代化农业发展着手

他补充，这可以从现代化农业发展着手，包括集中养猪区等等，但知易行难，因此当局仍需要进一步探讨。

陈泓缣周四晚出席留台联总、马来西亚华侨青年台湾观摩团辅导委员会及马台经贸协会联合举办的驻马台北经济文化办事处代表洪慧珠欢送会上致词时，如是指出。

说起台湾的农业发展受到各界肯定，陈泓缣表示，本身也将抽空到台湾拜访交流，了解当地的农业科技发展。

出席欢送会的包括民主行动党顾问陈国伟、留台联总会长拿督陈荣洲、马来西亚华侨青年台湾观摩团辅导委员会主席徐忍川及马台经贸协会会长拿督斯里陈荣立。

陈国伟在致词时则表示，在这个战乱及冲突不断的时代，相信全球人民只期望世界各国能够团结起来。

他说，大家都不希望全球陷入分裂，因此，他希望国际社会能够互相的容忍、包容、谅解，化干戈为玉帛，这样才能够让大家看到希望，活在美丽的新世界。#

## 洪慧珠：6年增长近60%

## 马台双边合作互利共荣

驻马台北经济文化办事处代表洪慧珠表示，马台两地的双边经贸在短短6年间增长了近60%，显示马来西亚与台湾在双边合作可达到互利共荣。

她说，台湾在 2016 年推动新南向政策，而当年马来西亚与台湾的双边贸易总额为 141 亿美元，2021 年创下新高，达到将近 280 亿美元。

“根据我的同事告诉我，2022 年 1 月至 11 月的经贸总额已经超过 300 亿美元，算一算，6 年之间双边贸易总额成长超过将近 60%。”

她指出，台湾从马来西亚第六大贸易伙伴晋升到第五大，马来西亚从台湾第八大贸易伙伴晋升至第七大，可见马台互补性相当高，双方可达到互利共荣。

为此，她也希望马来西亚的人民，能够呼吁马来西亚政府，支持台湾加入“全面与进步跨太平洋伙伴关系协定” (CPTPP) 。

洪慧珠周四晚出席留台联总、马来西亚华侨青年台湾观摩团辅导委员会及马台经贸协会联合为她举办的欢送会上致词时，如是指出。

她表示，随着马台边境开放，她希望双边的交流可以逐步回到疫情前的常态。

她表示，驻马台北经济文化办事处也将访客目标提高，希望能够达到疫情前的拜访人次。

留台联总总会长拿督陈荣洲在致词时，肯定洪慧珠在担任驻马代表期间做出的各方努力。

他说，特别是过去两年面对疫情的影响，洪慧珠的工作更是不容易，因此可说是表现比之前更好。#

Powered by: isentia

| Headline | Ministry to learn from Taiwan in addressing soaring pork prices | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 07 Jan 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 11 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 380 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 11,446 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 34,338 |





洪慧珠（中）在陈荣洲（右二）等嘉宾的陪同下进行切蛋糕仪式；右一为陈泓缣，左起为陈荣立和陈国伟。（黄志汉摄）

陳泓縑

## 解決豬肉價不斷上漲

# 農糧部將向台取經

（吉隆坡6日讯）农业及粮食安全部副部长陈泓缣表示，为更好的解决猪肉价格不断上涨的问题，他将和部门一起探讨向现代化农业发展，其中包括向如台湾等在国际上知名的农业国家和地区取经。

他说："尽管生猪价格在农历新年之间已暂时不会上涨，但这并不是长久之计，因为人为抑制的价格不可能是长治久安的方法，我们最终还是要回到需求面，猪肉的供应够不够。供需之间如果能达到一定的平衡，价格自然就会达到平衡点，届时大家就都能买得起了。

"所以在往后的方式，大马的养猪业在挺过非洲猪瘟的冲击，能不能更进一步往现代化农业发展，或者是集中养猪区，来确保本地的猪肉供应充足，我相信这才是能压制猪肉价格不断上涨的最终解决方案。

他昨天受邀出席留台联总为感谢前驻马台北经济文化办事处代表洪慧珠对台马双边的贡献与付出，于昨晚在吉隆坡Ibis酒店举办"欢送洪慧珠大使感恩晚宴"上，于致词时这么表示。

### 洪慧珠：台马经贸额破300亿美元

另一方面，已在去年12月任满的洪慧珠表示，台湾与大马在2022年截至11月的双边经贸总额已经超过300亿美元的新高，证明了双方有非常大的合作空间，因此她希望大家可以呼吁大马政府，支持台湾加入《全面与进步跨太平洋伙伴关系协定》（CPTPP）。

她说："台湾和大马除了文教方面，在经贸的关系也相当密切，其中台湾在2016年推动新南向政策以来，与大马双边经贸总额从当年的141亿美元到2021年已创下280亿美元的新高，而2022年截至11月更是已经超过300亿美元。

"在推动新南向政策的6年间，台马双边的经贸总额成长已将近60%，台湾从大马的第六大贸易伙伴晋升为第五大贸易伙伴，而大马也从台湾的第八大贸易伙伴晋升为第七大贸易伙伴。

她说："推动华裔子弟到台湾留学，接受华文教育，为华社造就无数人才和开创美好前程的相关社团，特别是留台联总各属会以及相关团体，在这方面可说是功不可没，可说是大马华社继华团、华教和华媒后的第四大支柱。"

### 陈荣洲赞洪慧珠表现佳

此外，留台联总总会长拿督陈荣洲也高度赞扬洪慧珠在任职的4年多来，在建立马台之间政经文教等方面都做得非常好，特别是在过去两年的疫情下还能有这样的成就，非常不容易。

他说："洪慧珠永远都是我们的朋友，我们希望大使以后有空一定要再来大马看我们。"

他最后也开金口高歌一曲"掌声响起"献给洪慧珠，代表留台联总表达对后者的感激之情。

同样出席的嘉宾包括行动党顾问兼蕉赖区国会议员陈国伟、马台经贸协会会长拿督斯里陈荣立以及大马华裔青年台湾观摩团辅导委员会主席拿督徐忍川等人。

Powered by: isentia